

Dasar Privasi untuk penyertaan dalam HUGO BOSS EXPERIENCE

MALAYSIA

HUGO BOSS AG, Holy-Allee 3, 72555 Metzingen, Germany (kemudian dari ini “**HUGO BOSS**” atau “**kami**”) mengendalikan program kesetiaan pelanggan HUGO BOSS EXPERIENCE (kemudian dari ini “**Program Kesetiaan Pelanggan**”).

Dalam Dasar Privasi berikut, kami memberikan anda maklumat menurut undang-undang perlindungan data yang terpakai, termasuk Artikel-artikel 13 dan 14 [Peraturan Umum Perlindungan Data](#) (kemudian dari ini “**GDPR**”) mengenai pemprosesan data peribadi anda oleh pengawal data, Pegawai Perlindungan Data pengawal data (**Bahagian A**) dan mengenai hak-hak yang mungkin anda ada berkenaan dengan pemprosesan data peribadi anda (**Bahagian B**). Anda juga boleh mendapatkan maklumat mengenai pemprosesan data peribadi anda (**Bahagian C**) berhubung dengan Program Kesetiaan Pelanggan dalam yang berikut.

Kedai-kedai runcit batu bata dan mortar termasuk Kedai-kedai barangan terus (*Outlets*) di Kesatuan Eropah (kemudian dari ini “**EU**”), Switzerland, Norway, United Kingdom (kemudian dari ini “**UK**”), Malaysia, Singapura dan Australia serta di China Besar (*Greater China*) (tanah besar China, Makau, Taiwan dan Hong Kong) dan Thailand (kemudian dari ini “**Kedai-kedai Runcit**”) dikendalikan oleh HUGO BOSS atau syarikat-syarikat yang berkaitan dengan HUGO BOSS menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan Program Kesetiaan Pelanggan tersebut. Suatu senarai seperti yang dipinda Kedai-kedai Runcit yang mengambil bahagian boleh diakses menggunakan Pencari Lokasi Kedai HUGO BOSS dalam laman web HUGO BOSS (<http://www.hugoboss.com/my/en>, kemudian dari ini “**Laman Web**”). Kedai dalam talian HUGO BOSS rasmi, yang boleh diakses melalui Laman Web tersebut (kemudian dari ini “**Kedai Dalam Talian**”) juga menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan Program Kesetiaan Pelanggan tersebut. Kedai-kedai Runcit dan Kedai Dalam Talian bersama kemudian dari ini adalah dirujuk sebagai “**Kedai-kedai Yang Mengambil Bahagian**”.

Anda boleh menerima maklumat lanjut mengenai pemprosesan data peribadi berkaitan dengan Laman Web kami di bawah www.hugoboss.com/my/en.

ISI KANDUNGAN

A.	Maklumat mengenai pengawal data.....	3
I.	Nama dan butir-butir hubungan pengawal data	3
II.	Butir-butir hubungan Pegawai Perlindungan Data pengawal data.....	3
B.	Maklumat mengenai hak-hak subjek-subjek data.....	4
C.	Maklumat mengenai pemprosesan data peribadi.....	5
I.	Butiran mengenai data peribadi yang kami proses	5
II.	Maklumat tambahan mengenai Tempoh Penyimpanan.....	10
III.	Butiran mengenai pemprosesan data peribadi	10
IV.	Butiran mengenai penerima-penerima data peribadi dan pemindahan data peribadi ke negara-negara ketiga dan/atau organisasi-organisasi antarabangsa.....	16
D.	Tarikh kuat kuasa dan pindaan Dasar Privasi ini	18

A. Maklumat mengenai pengawal data

I. Nama dan butir-butir hubungan pengawal data

Pengawal data bagi Program Kesetiaan Pelanggan tersebut ialah:

HUGO BOSS AG
Holy-Allee 3, 72555 Metzingen, Germany
Telefon: +49 7123 94-0
Faks: +49 7123 94-80259
E-mel: info@hugoboss.com

II. Butir-butir hubungan Pegawai Perlindungan Data pengawal data

Pegawai Perlindungan Data kami boleh dihubungi seperti berikut:

HUGO BOSS AG
Pegawai Perlindungan Data
Holy-Allee 3, 72555 Metzingen, Germany
Telefon: +49 7123 94-80999
Faks: +49 7123 94-880999
E-mel: privacy@hugoboss.com

B. Maklumat mengenai hak-hak subjek-subjek data

Sebagai suatu subjek data anda boleh melaksanakan hak-hak berikut berkenaan dengan pemprosesan data peribadi anda, dengan syarat syarat-syarat yang berkaitan dipenuhi:

- I. Hak untuk mengakses (Artikel 15 GDPR)
- II. Hak untuk pembetulan (Artikel 16 GDPR)
- III. Hak untuk pemadaman (“hak untuk dilupakan”) (Artikel 17 GDPR)
- IV. Hak untuk membatasi pemprosesan (Artikel 18 GDPR)
- V. Hak untuk kemudahalihan data (Artikel 20 GDPR)
- VI. Hak untuk membantah (Artikel 21 GDPR)

Di bawah syarat-syarat yang diperuntukkan dalam Artikel 21 No. 1 GDPR anda mempunyai hak untuk membantah, atas alasan-alasan berkaitan dengan keadaan tertentu anda, pada bila-bila masa terhadap pemprosesan data peribadi anda berdasarkan Artikel 6 (1) (e) atau (f) GDPR, termasuk pemprofilan berdasarkan peruntukan-peruntukan tersebut. Di bawah syarat-syarat yang dinyatakan dalam Artikel 21 No. 2 GDPR anda mempunyai hak untuk membantah pada bila-bila masa terhadap pemprosesan data peribadi anda untuk pemasaran sedemikian, termasuk pemprofilan setakat pemprofilan tersebut berkaitan dengan pemasaran langsung sedemikian.

Anda boleh mendapatkan maklumat terperinci mengenai asas undang-undang pemprosesan di **Bahagian C** Dasar Privasi ini.

- VII. Hak untuk menarik balik persetujuan (Artikel 7 (3) GDPR)
- VIII. Hak untuk membuat suatu aduan kepada suatu pihak berkuasa penyeliaan (Artikel 57 (1) (f) GDPR)

Anda boleh menghubungi Pegawai Perlindungan Data kami (Bahagian A.II.) untuk tujuan melaksanakan hak-hak anda.

Tertakluk kepada sebarang pengecualian di bawah undang-undang yang digunakan, anda mungkin mempunyai hak-hak yang sama atau tambahan, termasuk hak untuk membuat pertanyaan atau aduan kepada kami berkenaan dengan data peribadi anda.

C. Maklumat mengenai pemprosesan data peribadi

Sehubungan dengan Program Kesetiaan Pelanggan data peribadi yang berbeza adalah diproses untuk tujuan-tujuan berlainan. Anda akan mendapat maklumat mengenai tujuan-tujuan dan cara-cara pemprosesan data peribadi di bawah.

Pembuatan keputusan secara automatik dalam makna Artikel 22 GDPR tidak akan berlaku.

I. Butiran mengenai data peribadi yang kami proses

Kategori-kategori data peribadi yang diproses	Data peribadi yang termasuk dalam kategori-kategori tersebut	Kewajipan untuk memberikan data	Tempoh Penyimpanan
Data induk peribadi yang kami kumpulkan semasa pendaftaran untuk Program Kesetiaan Pelanggan tersebut (" Data Induk Peribadi ").	Nama keluarga, nama pertama, alamat e-mel, nombor telefon bimbit, negara kediaman, suatu kata laluan, apabila mendaftar dalam talian. Kami juga merekodkan Kedai-kedai Yang Mengambil Bahagian yang berkaitan di mana anda mendaftar untuk Program Kesetiaan Pelanggan tersebut.	Terdapat kewajipan kontraktual untuk memberikan beberapa Data. Data yang diperlukan tersebut ditandakan dengan asterisk (*). Kegagalan memberikan Data-data ini bermakna anda tidak boleh menyertai Program Kesetiaan Pelanggan tersebut.	Kami menyimpan maklumat ini selagi anda berdaftar dengan Program Kesetiaan Pelanggan tersebut. Kami menyimpan data-data ini untuk tujuan keterangan untuk penubuhan, pelaksanaan atau pembelaan sebarang tuntutan undang-undang dan juga untuk suatu tempoh interim tiga tahun bermula pada akhir tahun anda membatalkan pendaftaran dan sekiranya berlaku sebarang pertikaian undang-undang sehingga sedemikian telah diselesaikan.
Data yang kami terima dari rakan kongsi log masuk apabila anda mendaftar untuk Program Kesetiaan Pelanggan tersebut melalui perkongsian log masuk (" Data Rakan Kongsi Log Masuk ").	Nama keluarga, nama pertama, alamat e-mel, kata laluan anda, negara kediaman, ID pelanggan unik Rakan Kongsi Log Masuk	Terdapat kewajipan kontraktual untuk memberikan Data ini apabila anda mendaftar melalui suatu Rakan Kongsi Log Masuk. Kegagalan memberikan Data ini bermakna anda tidak boleh menyertai Program Kesetiaan Pelanggan tersebut melalui suatu Rakan Kongsi Log Masuk.	Kami menyimpan maklumat ini selagi anda berdaftar dengan Program Kesetiaan Pelanggan tersebut. Kami menyimpan data-data ini untuk tujuan keterangan untuk penubuhan, pelaksanaan atau pembelaan sebarang tuntutan undang-undang dan juga untuk suatu tempoh interim tiga tahun bermula pada akhir tahun anda membatalkan pendaftaran dan sekiranya berlaku sebarang pertikaian undang-undang sehingga sedemikian telah diselesaikan.

Kategori-kategori data peribadi yang diproses	Data peribadi yang termasuk dalam kategori-kategori tersebut	Kewajipan untuk memberikan data	Tempoh Penyimpanan
Maklumat tandatangan (berasaskan digital atau kertas) yang kami kumpulkan semasa proses pendaftaran untuk Program Kesetiaan Pelanggan tersebut di Kedai-kedai Runcit kami (" Data Tandatangan ").	Tandatangan anda pada borang pendaftaran berasaskan digital atau kertas.	Terdapat kewajipan kontraktual untuk memberikan Data ini. Kegagalan memberikan Data ini bermakna anda tidak boleh menyertai Program Kesetiaan Pelanggan tersebut.	Kami menyimpan maklumat ini selagi anda berdaftar dengan Program Kesetiaan Pelanggan tersebut. Kami menyimpan data-data ini untuk tujuan keterangan untuk penubuhan, pelaksanaan atau pembelaan sebarang tuntutan undang-undang dan juga untuk suatu tempoh interim tiga tahun bermula pada akhir tahun anda membatalkan pendaftaran dan sekiranya berlaku sebarang pertikaian undang-undang sehingga sedemikian telah diselesaikan.
Data protokol yang terakru atas alasan-alasan teknikal apabila pendaftaran untuk Program Kesetiaan Pelanggan tersebut adalah disahkan dalam prosedur pilih masuk dua kali (<i>double opt-in</i>) (" Data Protokol Pendaftaran ").	Tarikh dan masa pengesahan pendaftaran dalam prosedur pilih masuk dua kali (<i>double opt-in</i>) dan alamat IP peranti yang digunakan untuk pengesahan.	Terdapat kewajipan kontraktual untuk memberikan Data ini. Kegagalan memberikan Data-data ini bermakna anda tidak boleh menyertai Program Kesetiaan Pelanggan tersebut.	Kami menyimpan maklumat ini selagi anda berdaftar dengan Program Kesetiaan Pelanggan tersebut. Kami menyimpan data-data ini untuk tujuan keterangan untuk penubuhan, pelaksanaan atau pembelaan sebarang tuntutan undang-undang dan juga untuk suatu tempoh interim tiga tahun bermula pada akhir tahun anda membatalkan pendaftaran dan sekiranya berlaku sebarang pertikaian undang-undang sehingga sedemikian telah diselesaikan.
Maklumat yang diberi secara sukarela yang diberikan oleh peserta semasa mendaftar untuk Program Kesetiaan Pelanggan tersebut, dalam akaun pelanggan My HUGO BOSS atau semasa membuat pesanan di Kedai Dalam Talian kami (" Data Peserta ").	Gelaran kehormat, nombor telefon, nombor telefon bimbit, tarikh lahir dan/atau alamat pos yang kami simpan sebagai alamat invois anda, maklumat mengenai saluran-saluran komunikasi pilihan anda dan mengenai pilihan-pilihan peribadi anda (contohnya apa-apa jenama, minat, gaya dan lain-lain HUGO BOSS pilihan), saiz-saiz, ukuran-ukuran badan, senarai keinginan anda dengan produk-produk HUGO BOSS yang anda telah pilih dalam akaun pelanggan My HUGO BOSS anda, alamat-alamat penghantaran yang anda telah simpan dalam akaun pelanggan My HUGO BOSS	Tidak ada kewajipan untuk memberikan data tersebut. Kegagalan memberikan data-data ini bermakna kami tidak boleh memperibadikan faedah-faedah Program Kesetiaan Pelanggan tersebut.	Kami menyimpan maklumat ini selagi anda berdaftar dengan Program Kesetiaan Pelanggan tersebut. Kami menyimpan data-data ini untuk tujuan keterangan untuk penubuhan, pelaksanaan atau pembelaan sebarang tuntutan undang-undang dan juga untuk suatu tempoh interim tiga tahun bermula pada akhir tahun anda membatalkan pendaftaran dan sekiranya berlaku sebarang pertikaian undang-undang sehingga sedemikian telah diselesaikan.

Kategori-kategori data peribadi yang diproses	Data peribadi yang termasuk dalam kategori-kategori tersebut	Kewajipan untuk memberikan data	Tempoh Penyimpanan
	anda atau telah gunakan semasa membuat pesanan-pesanan di Kedai Dalam Talian.		
Data Pengenal Pasti, yang akan dikongsikan bersama Rakan-rakan Kongsi terpilih ("Pengenal Pasti Pemasaran").	Alamat e-mel, nombor telefon bimbit, nama digabungkan bersama dengan alamat pos atau tarikh lahir.	Tidak ada kewajipan untuk memberikan data tersebut. Kegagalan memberikan data-data ini bermakna kami tidak boleh memaparkan iklan-iklan yang diperibadikan dalam apa-apa laman web pihak ketiga, platform media sosial atau platform lain.	Kami menyimpan maklumat ini selagi anda berdaftar dengan Program Kesetiaan Pelanggan tersebut. Kami menyimpan data-data ini untuk tujuan keterangan untuk penubuhan, pelaksanaan atau pembelaan sebarang tuntutan undang-undang dan juga untuk suatu tempoh interim tiga tahun bermula pada akhir tahun anda membatalkan pendaftaran dan sekiranya berlaku sebarang pertikaian undang-undang sehingga sedemikian telah diselesaikan.
Data protokol yang dijanakan secara teknikal semasa melanggan atau membatalkan pelanggan (<i>unsubscribe</i>) kepada Surat Berita ("Data Langganan dan Pembatalan Pelanggan") ("Subscription and Unsubscription Data")	Tarikh dan masa pelanggan, pengesahan dalam proses pilih masuk dua kali (<i>double opt-in</i>) semasa anda melanggan dalam Laman Web kami melalui borang aplikasi web yang berasingan untuk langganan surat berita, serta alamat IP peranti terminal yang digunakan untuk pengesahan, tarikh dan masa sebarang pembatalan pelanggan (<i>unsubscribe</i>) daripada Surat Berita tersebut.	Tidak ada kewajipan statutori atau kontraktual untuk memberikan data tersebut. Anda perlu memberikan pengesahan anda dalam proses pilih masuk dua kali (<i>double opt-in</i>) untuk menerima Surat Berita semasa melanggan melalui aplikasi web yang berasingan tersebut. Kegagalan memberikan Data ini bermakna anda tidak boleh melanggan Surat Berita tersebut.	Kami menyimpan maklumat ini selagi anda melanggan surat berita tersebut. Sebagai tambahan, kami menyimpan data ini sebagai pengecualian melebihi ini sekiranya dan selama kami tertakluk kepada kewajipan-kewajipan penyimpanan statutori atau dokumentasi bagi data tersebut atau setakat mana yang diperlukan untuk tujuan-tujuan keterangan.

Kategori-kategori data peribadi yang diproses	Data peribadi yang termasuk dalam kategori-kategori tersebut	Kewajipan untuk memberikan data	Tempoh Penyimpanan
<p>Maklumat mengenai pembelian-pembelian anda ("Data Transaksi") sekiranya anda mengenal pasti diri anda semasa membuat pembelian di suatu Kedai Runcit sebagai peserta dalam HUGO BOSS EXPERIENCE atau mengenal pasti diri anda di Kedai Dalam Talian sebagai suatu peserta dengan memasukkan data akses anda.</p> <p>Data ini diterima daripada Kedai-kedai Yang Mengambil Bahagian tersebut.</p>	<p>Maklumat mengenai barang-barang yang dibeli (penghuraian barang, nombor barang, kuantiti, saiz, jika berkenaan ukuran-ukuran badan, warna, harga, mata wang, nombor pesanan), mengenai jenis transaksi (pembelian, penukaran, pengembalian dan lain-lain) mengenai lokasi (Kedai Dalam Talian atau negara, bandar dan kedai untuk Kedai-kedai Runcit) dan masa pembelian yang berkaitan.</p>	<p>Terdapat kewajipan kontraktual untuk memberikan Data ini. Kegagalan memberikan Data ini (tidak mengenal pasti diri anda semasa membuat pembelian) bermakna kami tidak boleh merekodkan Data Transaksi anda.</p>	<p>Kami menyimpan maklumat ini selagi anda berdaftar dengan Program Kesetiaan Pelanggan tersebut.</p> <p>Kami menyimpan data-data ini untuk tujuan keterangan untuk penubuhan, pelaksanaan atau pembelaan sebarang tuntutan undang-undang dan juga untuk suatu tempoh interim tiga tahun bermula pada akhir tahun anda membatalkan pendaftaran dan sekiranya berlaku sebarang pertikaian undang-undang sehingga sedemikian telah diselesaikan.</p>
<p>Maklumat yang anda berikan kepada kami dalam pertanyaan anda yang dibuat kepada khidmat pelanggan melalui telefon, sembang atau borang hubungan dalam talian ("Data Pertanyaan Khidmat Pelanggan").</p>	<p>Maklumat yang anda berikan kepada kami dalam pertanyaan anda yang dibuat kepada khidmat pelanggan melalui telefon, sembang atau borang hubungan dalam talian, contohnya subjek dan latar belakang pertanyaan anda.</p>	<p>Tidak ada kewajipan untuk memberikan data tersebut. Kegagalan memberikan data-data ini bermakna kami tidak boleh menyunting pertanyaan anda.</p>	<p>Kami menyimpan maklumat ini selagi anda berdaftar dengan Program Kesetiaan Pelanggan tersebut.</p> <p>Kami menyimpan data-data ini untuk tujuan keterangan untuk penubuhan, pelaksanaan atau pembelaan sebarang tuntutan undang-undang dan juga untuk suatu tempoh interim tiga tahun bermula pada akhir tahun anda membatalkan pendaftaran dan sekiranya berlaku sebarang pertikaian undang-undang sehingga sedemikian telah diselesaikan.</p>
<p>Maklumat yang diberi secara sukarela yang anda berikan semasa diberikan nasihat membeli-belah yang diberikan oleh kakitangan jualan dan pembantu-pembantu membeli-belah peribadi kami, contohnya di Kedai-kedai Runcit, melalui telefon, sembang atau borang hubungan dalam talian ("Data Nasihat Membeli-belah").</p> <p>Data-data ini diterima daripada Kedai-kedai Yang Mengambil Bahagian tersebut dan dijanakan secara berautonomi.</p>	<p>Peristiwa-peristiwa pakaian pilihan (<i>preferred wearing occasions</i>); bidang/sector pekerjaan; tarikh-tarikh atau acara-acara khas; hobi-hobi dan minat; maklumat percutian dan pelancongan; minuman-minuman atau makanan-makanan kegemaran; maklumat mengenai pertanyaan yang dibuat kepada khidmat pelanggan melalui telefon, sembang atau borang hubungan dalam talian dan perbincangan nasihat membeli-belah dengan pekerja-pekerja Kedai-kedai Runcit (khususnya tarikh, masa dan subjek pertanyaan anda); spesifikasi pembantu</p>	<p>Tidak ada kewajipan untuk memberikan data tersebut. Kegagalan memberikan data-data ini bermakna kami tidak boleh memperibadikan faedah-faedah Program Kesetiaan Pelanggan tersebut.</p>	<p>Kami menyimpan maklumat ini selagi anda berdaftar dengan Program Kesetiaan Pelanggan tersebut.</p> <p>Kami menyimpan data-data ini untuk tujuan keterangan untuk penubuhan, pelaksanaan atau pembelaan sebarang tuntutan undang-undang dan juga untuk suatu tempoh interim tiga tahun bermula pada akhir tahun anda membatalkan pendaftaran dan sekiranya berlaku sebarang pertikaian undang-undang sehingga sedemikian telah diselesaikan.</p>

Kategori-kategori data peribadi yang diproses	Data peribadi yang termasuk dalam kategori-kategori tersebut	Kewajipan untuk memberikan data	Tempoh Penyimpanan
	membeli-belah tersebut dan pengesyoran produk peribadinya untuk anda.		
<p>Data dalam profil-profil penggunaan yang kami hasilkan dengan menganalisis tingkah laku penggunaan peserta-peserta dalam Program Kesetiaan Pelanggan tersebut di Kedai Dalam Talian tersebut ("Data Profil Penggunaan Dalam Talian").</p> <p>Data-data ini dijanakan secara berautonomi.</p>	<p>Data mengenai penggunaan laman web tersebut, khususnya lawatan-lawatan halaman, kekerapan lawatan and masa yang dihabiskan di halaman-halaman yang dilawati, maklumat mengenai barang-barang yang anda telah lihat atau letak di dalam troli membeli-belah anda atau telah letak dalam senarai keinginan anda dalam akaun pelanggan My HUGO BOSS anda.</p>	<p>Tidak ada kewajipan untuk memberikan data tersebut. Kegagalan memberikan data-data ini bermakna kami tidak boleh memperibadikan faedah-faedah Program Kesetiaan Pelanggan tersebut.</p>	<p>Kami menyimpan maklumat ini selagi anda berdaftar dengan Program Kesetiaan Pelanggan tersebut.</p>
<p>Dengan syarat anda telah melanggan surat berita, data protokol yang terakru atas alasan-alasan teknikal melalui Protokol Perpindahan Hiperteks (HTPP) semasa surat berita diakses ("Data HTTP Surat Berita").</p>	<p>Alamat IP, tarikh dan masa akses.</p>	<p>Tidak ada kewajipan statutori atau kontraktual untuk memberikan data tersebut.</p> <p>Data ini diproses secara automatik semasa surat berita yang diperibadikan diakses.</p>	<p>Data disimpan dalam fail-fail log pelayan dalam bentuk yang membolehkan pengenalpastian subjek data untuk tempoh maksimum 7 hari, kecuali berlakunya sebarang kejadian yang berkaitan dengan keselamatan (contohnya, suatu serangan DDoS).</p> <p>Sekiranya terdapat kejadian yang berkaitan dengan keselamatan, fail-fail log pelayan disimpan sehingga kejadian yang berkaitan dengan keselamatan tersebut telah dihapuskan dan dijelaskan sepenuhnya.</p>
<p>Dengan syarat anda telah melanggan surat berita, data dalam profil-profil penggunaan yang kami hasilkan dengan menganalisis tingkah laku penggunaan surat berita menggunakan nama-nama samaran ("Data Profil Penggunaan Surat Berita").</p> <p>Data-data ini dijanakan secara berautonomi.</p>	<p>Data mengenai penggunaan surat berita tersebut, khususnya lawatan-lawatan halaman, kekerapan lawatan, tingkah laku klik dalam surat-surat berita yang diakses.</p>	<p>Tiada kewajipan statutori atau kontraktual untuk memberikan data tersebut.</p> <p>Data ini diproses secara automatik semasa surat berita diakses.</p>	<p>Kami hanya menyimpan maklumat ini selagi anda telah melanggan surat berita tersebut. Kami akan menghapuskan data tersebut sebaik sahaja anda telah membatalkan pelangganan (<i>unsubscribe</i>) kepada surat berita tersebut.</p>

Kategori-kategori data peribadi yang diproses	Data peribadi yang termasuk dalam kategori-kategori tersebut	Kewajipan untuk memberikan data	Tempoh Penyimpanan
<p>Dengan syarat anda telah melanggan surat berita, data yang disimpan dalam salah satu pangkalan data pelanggan kami melalui teknologi-teknologi penjejakan semasa anda mengakses surat berita ("Data Penjejakan Profil Surat Berita").</p>	<p>ID unik untuk pengenalan(-semula) Peserta-peserta Program Kesetiaan Pelanggan tersebut.</p>	<p>Tidak ada kewajipan statutori atau kontraktual untuk memberikan data tersebut. Kegagalan memberikan data ini bermakna kami tidak boleh memperibadikan kandungan pemasaran.</p>	<p>Kami menyimpan maklumat ini selagi anda berdaftar dengan Program Kesetiaan Pelanggan tersebut.</p>
<p>Data mengenai jenis dan skop perkhidmatan-perkhidmatan Program Kesetiaan Pelanggan tersebut yang digunakan oleh anda dan reaksi-reaksi anda terhadap pemasaran kami di Kedai-kedai Yang Mengambil Bahagian tersebut ("Data Tingkah Laku Reaksi").</p> <p>Data-data ini dijanakan secara berautonomi.</p>	<p>Data mengenai jenis dan skop reaksi anda terhadap pemasaran kami dan penggunaan perkhidmatan-perkhidmatan Program Kesetiaan Pelanggan tersebut.</p>	<p>Tidak ada kewajipan untuk memberikan data tersebut. Kegagalan memberikan data-data ini bermakna kami tidak boleh memperibadikan faedah-faedah Program Kesetiaan Pelanggan tersebut.</p>	<p>Kami menyimpan maklumat ini selagi anda berdaftar dengan Program Kesetiaan Pelanggan tersebut.</p>
<p>Peruntukan untuk segmen-segmen peserta yang kami hasilkan dengan menganalisis Data Induk Peribadi, Data Rakan Kongsi Log Masuk, Data Peserta, Data Transaksi, Data Pertanyaan Khidmat Pelanggan, Data Nasihat Membeli-belah, Data Profil Penggunaan Dalam Talian dan Data Tingkah Laku Reaksi dan jika berkenaan, Data Profil Penggunaan Surat Berita dan Data Penjejakan Profil Surat Berita ("Data Segmen").</p> <p>Data-data ini dijanakan secara berautonomi.</p>	<p>Data mengenai mana-mana jenama, produk atau kandungan HUGO BOSS yang peserta tertarik oleh, contohnya menentukan kedai yang peserta paling kerap gunakan untuk pembelian-pembelian atau yang paling dekat dengan tempat tinggal peserta.</p>	<p>Tidak ada kewajipan untuk memberikan data tersebut. Kegagalan memberikan data-data ini bermakna kami tidak boleh memperibadikan faedah-faedah Program Kesetiaan Pelanggan tersebut.</p>	<p>Kami menyimpan maklumat ini selagi anda berdaftar dengan Program Kesetiaan Pelanggan tersebut.</p>

II. Maklumat tambahan mengenai Tempoh Penyimpanan

Sebagai tambahan kepada maklumat yang dinyatakan mengenai Tempoh Penyimpanan yang diberikan di atas, semua data peribadi akan dipadamkan tanpa kelengahan yang tidak wajar apabila data peribadi tersebut tidak lagi diperlukan berkaitan dengan tujuan-tujuan yang data tersebut dikumpulkan atau selainnya diproseskan.

III. Butiran mengenai pemprosesan data peribadi

1. Pemprosesan data peribadi berdasarkan undang-undang berkanun

Tujuan pemprosesan data peribadi	Kategori data peribadi diproses	Asas undang-undang dan, jika berkenaan, kepentingan sah
Penyediaan aplikasi-aplikasi web di Kedai Dalam Talian dan borang pendaftaran berasaskan digital atau kertas di Kedai-kedai Runcit di mana anda boleh memberi kami data anda untuk mendaftar untuk Program Kesetiaan Pelanggan tersebut.	Data Induk Peribadi, Data Rakan Kongsi Log Masuk, Data Protokol Pendaftaran, Data Peserta sekiranya data-data ini telah diberikan dalam borang pendaftaran.	Artikel 6 No. 1 (b) GDPR, Pelaksanaan suatu kontrak. Artikel 6 No. 1 (f) GDPR. Selepas pengimbangan kepentingan kepentingan sah kami adalah untuk memudahkan prosedur pendaftaran dan untuk mengumpul data yang tepat dan sah.
Pengoperasian pangkalan-pangkalan data pelanggan di mana kami menyelenggara dan mengemaskini data anda.	Data Induk Peribadi, Data Rakan Kongsi Log Masuk, Data Peserta, Data Transaksi, Data Profil Penggunaan Dalam Talian, Data Tingkah Laku Reaksi, Data Segmen.	Artikel 6 No. 1 (b) GDPR, Pelaksanaan suatu kontrak. Artikel 6 No. 1 (f) GDPR. Selepas pengimbangan kepentingan kepentingan sah kami adalah pengoperasian suatu pangkalan data pelanggan yang teratur sebagai asas untuk penyelenggaraan data pelanggan yang optimum.
Mengarkibkan Data Tandatangan dan Data Protokol Pendaftaran untuk tujuan keterangan dan untuk penubuhan, pelaksanaan atau pembelaan sebarang tuntutan undang-undang.	Data Induk Peribadi, Data Tandatangan, Data Rakan Kongsi Log Masuk, Data Protokol Pendaftaran, Data Peserta.	Artikel 6 No. 1 (b) GDPR, Pelaksanaan suatu kontrak. Artikel 6 No. 1 (f) GDPR. Selepas pengimbangan kepentingan kepentingan sah kami adalah penubuhan, pelaksanaan atau pembelaan tuntutan undang-undang.
Pengemaskinian alamat-alamat pos dan e-mel. Untuk memastikan ketepatan data alamat kami mengesahkan data alamat pos dan e-mel. Kami membetulkan sebarang kesilapan yang ketara dalam alamat pos yang diberikan, contohnya kesilapan menaip digit dalam poskod, secara	Data Induk Peribadi, Data Peserta.	Artikel 6 No. 1 (c) GDPR, Artikel 5 No. 1 (d) GDPR.

Tujuan pemrosesan data peribadi	Kategori data peribadi diproses	Asas undang-undang dan, jika berkenaan, kepentingan sah
<p>automatik. Kami menghubungi anda secara peribadi dalam kes-kes, yang tidak jelas.</p>		<p>Artikel 6 No. 1 (f) GDPR. Selepas pengimbangan kepentingan kepentingan sah kami adalah untuk memastikan ketepatan data.</p>
<p>Penyediaan fungsi-fungsi akaun pelanggan My HUGO BOSS tersebut dan suatu proses pesanan yang mudah di Kedai Dalam Talian:</p> <p>Dalam akaun pelanggan My HUGO BOSS anda, anda boleh mengekalkan Data Induk Peribadi, Data Peserta, tetapan komunikasi dan perkongsian data anda, pilihan-pilihan dan senarai keinginan anda yang diberikan oleh anda dengan mudah. Kami menggunakan data mengenai pilihan-pilihan anda, Data Transaksi anda dan Data Tingkah Laku Reaksi anda untuk memperibadikan akaun pelanggan My HUGO BOSS anda.</p> <p>Sekiranya anda telah log masuk ke akaun pelanggan My HUGO BOSS anda, saiz-saiz yang disimpan dalam akaun pelanggan anda akan dipaparkan secara automatik untuk pembelian-pembelian dalam talian anda untuk membuat membeli-belah di Kedai Dalam Talian semudah dan menyenangkan yang mungkin untuk anda. Maklumat yang diminta semasa proses daftar keluar (contohnya alamat invois) adalah dilengkapkan secara automatik (<i>autocompleted</i>) dengan data yang disimpan di pangkalan data pelanggan untuk lebih memudahkan proses pesanan bagi anda.</p> <p>Berdasarkan Data Transaksi anda kami menyediakan gambaran keseluruhan pembelian anda sehingga kini dalam akaun pelanggan My HUGO BOSS anda untuk anda.</p>	<p>Data Induk Peribadi, Data Rakan Kongsi Log Masuk, Data Peserta, Data Transaksi, Data Profil Penggunaan Dalam Talian, Data Tingkah Laku Reaksi, Data Segmen.</p>	<p>Artikel 6 No. 1 (b) GDPR, Pelaksanaan suatu kontrak.</p>
<p>Penghapusan data yang boleh mengenal pasti seseorang (<i>anonymisation</i>) untuk analisis maklumat kedai secara tanpa nama untuk pembangunan dan perbaikan kandungan dan fungsi-fungsi Program Kesetiaan Pelanggan tersebut.</p>	<p>Semua data peribadi yang dinyatakan di Bahagian C dalam bentuk tanpa nama (<i>anonymised form</i>).</p>	<p>Artikel 6 No. 1 (f) GDPR Selepas pengimbangan kepentingan kepentingan sah kami adalah pembangunan dan perbaikan Program Kesetiaan Pelanggan tersebut.</p>
<p>Pemindahan data ke Kedai-kedai Runcit untuk menyediakan faedah-faedah Program Kesetiaan Pelanggan tersebut yang diterangkan secara terperinci dalam Terma-terma dan Syarat-Syarat untuk penyertaan dalam HUGO BOSS EXPERIENCE serta ke bahagian Mesra Pelanggan.</p>	<p>Data Induk Peribadi, Data Rakan Kongsi Log Masuk, Data Peserta, Data Transaksi.</p>	<p>Artikel 6 No. 1 (b) GDPR, Pelaksanaan suatu kontrak.</p> <p>Artikel 6 No. 1 (f) GDPR. Selepas pengimbangan kepentingan kepentingan sah kami adalah untuk menyediakan faedah-faedah Program Kesetiaan Pelanggan tersebut kepada pelanggan di negara-</p>

Tujuan pemrosesan data peribadi	Kategori data peribadi diproses	Asas undang-undang dan, jika berkenaan, kepentingan sah
		negara lain juga selain daripada negara kediaman masing-masing.
Dengan syarat anda telah melanggan surat berita, penghasilan laporan-laporan tanpa nama (<i>anonymised reports</i>) yang menganalisis dan menentukan strategi surat berita.	Data Induk Peribadi, Data Segmen	Artikel 6 No.1 (f) GDPR. Selepas pengimbangan kepentingan kepentingan sah kami adalah untuk memperbaiki kandungan Surat Berita tersebut.

2. Pemrosesan data peribadi berdasarkan persetujuan anda

Tujuan pemrosesan data peribadi	Kategori data peribadi diproses	Asas undang-undang dan, jika berkenaan, kepentingan sah
Menawarkan nasihat membeli-belah yang diperibadikan di Kedai-kedai Runcit tersebut dan melalui perkhidmatan telefon pelanggan atau melalui sembang berdasarkan maklumat yang disimpan dalam pangkalan data pelanggan kami.	Data Induk Peribadi, Data Rakan Kongsi Log Masuk, Data Protokol Pendaftaran, Data Peserta, Data Transaksi, Data Pertanyaan Khidmat Pelanggan, Data Nasihat Membeli-belah, Data Tingkah Laku Reaksi, Data Segmen.	Artikel 6 No. 1 (a) GDPR, Persetujuan.
<p>Penghantaran bahan maklumat mengenai komponen-komponen Program Kesetiaan Pelanggan tersebut dan pemasaran berkaitan, yang diperibadikan untuk tawaran-tawaran kami sendiri (contohnya, maklumat mengenai HUGO BOSS, maklumat produk, surat-surat berita, tinjauan pelanggan dan tawaran-tawaran atau jemputan-jemputan eksklusif untuk mengambil bahagian dalam pertandingan-pertandingan, acara-acara dan promosi-promosi (tempatan) HUGO BOSS atau Kedai-kedai Yang Mengambil Bahagian) ke saluran-saluran komunikasi yang dipilih oleh anda (khususnya, e-mel, pos, telefon dan/atau mesej-mesej SMS/MMS dan/atau mesej-mesej pengutus (<i>messenger messages</i>)).</p> <p>Anda boleh memilih atau menukar saluran-saluran komunikasi tersebut sama ada pada bila-bila masa dalam akaun pelanggan My HUGO BOSS anda atau semasa waktu buka Kedai-kedai Runcit masing-masing.</p> <p>Kami juga akan menghantar e-mel-e-mel peringatan kepada anda sekiranya anda belum melengkapkan pesanan-pesanan di Kedai Dalam Talian atau barang-barang masih ada pada senarai keinginan anda dalam akaun pelanggan My HUGO BOSS anda.</p>	Data Induk Peribadi, Data Rakan Kongsi Log Masuk, data teknologi-penjejakan pemasaran sekiranya anda telah memberi persetujuan kepada ini semasa melawat Laman Web tersebut, Data Profil Penggunaan Dalam Talian, Data Profil Penggunaan Surat Berita dengan syarat anda telah melanggan surat berita tersebut, Data Transaksi, Data Tingkah Laku Reaksi, Data Segmen.	Artikel 6 No. 1 (a) GDPR, Persetujuan.

Tujuan pemrosesan data peribadi	Kategori data peribadi diproses	Asas undang-undang dan, jika berkenaan, kepentingan sah
<p>Teknologi-teknologi penjejakan digunakan dalam Laman Web kami untuk tujuan-tujuan ini sekiranya anda telah memberi persetujuan kepada ini. Maklumat tambahan boleh diterima dalam Laman Web di mana anda juga boleh mengurus persetujuan anda pada bila-bila masa.</p>		
<p>Analisis tingkah laku penggunaan pelanggan-pelanggan surat berita dalam surat berita kami dan dalam Laman Web serta penghasilan profil-profil penggunaan menggunakan nama-nama samaran dan segmen-segmen pelanggan untuk tujuan memperibadikan dan mereka bentuk surat berita serta aktiviti-aktiviti pemasaran dalam talian seperti memaparkan iklan dalam mana-mana laman web pihak ketiga, platform media sosial dan platform lain.</p> <p>Teknologi-teknologi penjejakan digunakan dalam Laman Web kami dan dalam Aplikasi untuk tujuan-tujuan ini sekiranya anda telah memberi persetujuan kepada ini. Maklumat tambahan boleh diterima dalam Laman Web/ dalam Aplikasi di mana anda juga boleh mengurus persetujuan anda pada bila-bila masa.</p>	<p>Data Induk Peribadi, Data Rakan Kongsi Log Masuk, Data HTTP Surat Berita, Data Profil Penggunaan Surat Berita, Data Penjejakan Profil Surat Berita, Data Profil Penggunaan Dalam Talian, data teknologi-penjejakan pemasaran sekiranya anda telah memberi persetujuan kepada ini semasa melawat Laman Web tersebut, Data Segmen.</p>	<p>Artikel 6 No. 1 (a) GDPR, Persetujuan.</p>
<p>Jika anda mendaftar di Kedai Runcit yang mengambil bahagian dan tempat kediaman anda berada dalam negara pendaftaran, kami memindah Data Induk Peribadi, Data Peserta, Data Transaksi, Data Segmen anda dan saluran-saluran komunikasi pilihan anda ke Kedai Runcit yang mengambil bahagian di mana anda mendaftar untuk Program Kesetiaan Pelanggan tersebut untuk tujuan bahan-bahan pemasaran dihantar kepada anda oleh Kedai Runcit yang mengambil bahagian tersebut. Bahan-bahan pemasaran tersebut khususnya mengandungi maklumat mengenai promosi-promosi tempatan yang sedang berlaku di Kedai Runcit yang mengambil bahagian yang berkaitan.</p>	<p>Data Induk Peribadi, Data Rakan Kongsi Log Masuk, Data Peserta, Data Transaksi, Data Segmen.</p>	<p>Artikel 6 No. 1 (a) GDPR, Persetujuan.</p>
<p>Analisis yang diperibadikan tentang tarikan (<i>affinity</i>) peserta-peserta Program Kesetiaan Pelanggan terhadap apa-apa produk HUGO BOSS yang dan diperibadikan dan reka bentuk kandungan pemasaran selaras dengan pilihan-pilihan pengguna. Kami menggunakan kaedah-kaedah analisis yang berbeza untuk ini yang membenarkan kami untuk memperibadikan kandungan pemasaran secara optimum dan menyesuaikan kandungan ini kepada minat peribadi individu anda yang kami dapatkan daripada semua maklumat yang disimpan di pangkalan-pangkalan pelanggan kami. Dengan cara ini, kami menghasilkan suatu strategi pemasaran dan komunikasi yang dioptimumkan khusus untuk</p>	<p>Data Induk Peribadi, Data Rakan Kongsi Log Masuk, Data Peserta, Data Transaksi, Data Nasihat Membeli-belah, data teknologi-penjejakan pemasaran sekiranya anda telah memberi persetujuan kepada ini semasa melawat Laman Web tersebut, Data Profil Penggunaan Dalam Talian, Data Tingkah Laku Reaksi, dan Data Segmen berdasarkan ini.</p>	<p>Artikel 6 No. 1 (a) GDPR, Persetujuan.</p>

Tujuan pemrosesan data peribadi	Kategori data peribadi diproses	Asas undang-undang dan, jika berkenaan, kepentingan sah
<p>setiap peserta. Kami hendak memastikan bahawa dengan pemperibadian kandungan pemasaran anda akan menerima maklumat terutamanya maklumat yang kami anggap amat menarik untuk anda.</p> <p>Teknologi-teknologi penjejakan digunakan dalam Laman Web kami untuk tujuan-tujuan ini sekiranya anda telah memberi persetujuan kepada ini. Maklumat tambahan boleh diterima dalam Laman Web di mana anda juga boleh mengurus persetujuan anda pada bila-bila masa.</p>		
<p>Paparan iklan yang diperibadikan dalam mana-mana laman web pihak ketiga, platform media sosial atau platform lain.</p> <p>Bagi tujuan menyasar(-semula) dan untuk meningkatkan perkaitan pemasaran, oleh itu kadar klik dan penukaran (contohnya, kadar pesanan), tingkah laku pengguna-pengguna Laman Web kami serta interaktiviti dengan salah satu iklan yang diperibadikan kami yang dipaparkan dalam mana-mana laman web pihak ketiga, platform media sosial atau platform lain direkodkan dan dianalisis. Pengguna-pengguna ditandakan dalam bentuk yang memakai nama samaran supaya mereka boleh dikenal pasti sekali lagi.</p> <p>Teknologi-teknologi penjejakan digunakan dalam Laman Web kami untuk tujuan-tujuan ini sekiranya anda telah memberi persetujuan kepada ini. Maklumat tambahan boleh diterima dalam Laman Web di mana anda juga boleh mengurus persetujuan anda pada bila-bila masa.</p> <p>Sila ambil perhatian, walaupun anda tidak memberi persetujuan kepada teknologi-teknologi penjejakan untuk tujuan iklan yang diperibadikan anda masih akan menerima paparan-paparan iklan HUGO BOSS yang tidak diperibadikan.</p>	<p>Data Profil Penggunaan Dalam Talian dan Data Segmen berdasarkan ini, data teknologi-penjejakan pemasaran sekiranya anda telah memberi persetujuan kepada ini semasa melawat Laman Web tersebut.</p>	<p>Artikel 6 No. 1 (a) GDPR, Persetujuan.</p>
<p>Paparan iklan yang diperibadikan dalam mana-mana laman web pihak ketiga, platform media sosial atau platform lain untuk meningkatkan perkaitan pemasaran dan oleh itu kadar klik dan penukaran (contohnya, kadar pesanan). Bagi tujuan ini, data anda akan dikongsi dengan selamat dengan rakan-rakan kongsi terpilih dengan syarat anda telah memberi persetujuan kepada perkongsian data tersebut. Mana-mana laman web pihak ketiga, platform media sosial atau platform lain akan menyelaraskan pangkalan data mereka, memadankan profil anda jika berkenaan dan memaparkan iklan HUGO BOSS yang diperibadikan.</p> <p>Anda boleh menguruskan persetujuan anda untuk perkongsian data ini pada bila-bila masa dalam akaun pelanggan My HUGO BOSS anda.</p>	<p>Pengenal Pasti Pemasaran, ID unik berdasarkan Pengenal Pasti Pemasaran, Data Segmen.</p>	<p>Artikel 6 No. 1 (a) GDPR, Persetujuan.</p>

Tujuan pemrosesan data peribadi	Kategori data peribadi diproses	Asas undang-undang dan, jika berkenaan, kepentingan sah
Sila ambil perhatian, walaupun anda tidak memberi persetujuan kepada perkongsian data untuk tujuan iklan yang diperibadikan anda masih akan menerima paparan-paparan iklan HUGO BOSS yang tidak diperibadikan.		
<p>Paparan maklumat yang diperibadikan tentang, contohnya, produk-produk dan kandungan HUGO BOSS yang setara atau berkaitan secara tematik yang kami peroleh daripada kandungan halaman yang anda telah akses dan semua maklumat yang disimpan dalam pangkalan-pangkalan data pelanggan kami untuk menyesuaikan lawatan laman web anda dengan kepentingan peribadi anda masing-masing dengan cara yang terbaik.</p> <p>Teknologi-teknologi penjejakan digunakan dalam Laman Web kami dan dalam Aplikasi untuk tujuan-tujuan ini sekiranya anda telah memberi persetujuan kepada ini. Maklumat tambahan boleh diterima dalam Laman Web/dalam Aplikasi di mana anda juga boleh mengurus persetujuan anda pada bila-bila masa.</p>	Data Induk Peribadi, Data Rakan Kongsi Log Masuk, Data Peserta, Data Transaksi, data teknologi -penjejakan pemasaran sekiranya anda telah memberi persetujuan kepada ini semasa melawat Laman Web tersebut atau menggunakan Aplikasi, Data Profil Penggunaan Dalam Talian, Data Tingkah Laku Reaksi, dan Data Segmen berdasarkan ini.	Artikel 6 No. 1 (a) GDPR, Persetujuan.

IV. Butiran mengenai penerima-penerima data peribadi dan pemindahan data peribadi ke negara-negara ketiga and/atau organisasi-organisasi antarabangsa

Kategori Penerima	Lokasi penerima	Keputusan kecukupan atau perlindungan yang wajar atau sesuai untuk pemindahan ke negara-negara ketiga dan/atau organisasi-organisasi antarabangsa
Pembekal hos, Kedai-kedai Runcit di EU dan Norway, pembekal perkhidmatan E-mel, pembekal perkhidmatan IT, pembekal perkhidmatan IT (dalam kumpulan), pembekal SMS, agensi-agensi Tinjauan, pembekal perkhidmatan Arkib, pembekal perkhidmatan Kempen, pembekal perkhidmatan Pos, pembekal khidmat Pelanggan, pembekal perkhidmatan Surat Berita, pembekal perkhidmatan Kad Ahli Digital, pembekal perkhidmatan Pendaftaran, Pembekal Perkhidmatan	EU, Kawasan Ekonomi Eropah ("EEA")	

Kategori Penerima	Lokasi penerima	Keputusan kecukupan atau perlindungan yang wajar atau sesuai untuk pemindahan ke negara-negara ketiga dan/atau organisasi-organisasi antarabangsa
Penunaian Kedai Dalam Talian, Pembekal Perkhidmatan Pemasaran, Pembekal Perkhidmatan Pengurusan Profil Pelanggan, pembekal perkhidmatan Analisis.		
Pembekal Perkhidmatan E-Mel, Pembekal Perkhidmatan Komunikasi	UK	Keputusan kecukupan oleh Suruhanjaya EU untuk perlindungan data peribadi yang disediakan di United Kingdom .
Pembekal Perkhidmatan Pemasaran	Israel	Keputusan kecukupan oleh Suruhanjaya EU untuk perlindungan data peribadi yang disediakan di Israel .
Kedai-kedai Runcit	Switzerland	Keputusan kecukupan oleh Suruhanjaya EU untuk perlindungan data peribadi yang disediakan di Switzerland .
	UK	Keputusan kecukupan oleh Suruhanjaya EU untuk perlindungan data peribadi yang disediakan di United Kingdom .
	Australia	Di negara-negara bukan EU/EEA, pemindahan-pemindahan tersebut adalah tertakluk kepada Klausula-klausula Perlindungan Data Standard EU menurut Artikel 46 (2) (c), (5) GDPR.
	Singapura	
	Malaysia	
	Thailand	
China Besar (<i>Greater China</i>)		
Pembekal perkhidmatan IT (dalam kumpulan)	Amerika Syarikat	Di negara-negara bukan EU/EEA, pemindahan-pemindahan tersebut adalah tertakluk kepada Klausula-klausula Perlindungan Data Standard EU menurut Artikel 46 (2) (c), (5) GDPR.
	Hong Kong	
Pembekal SMS	Malaysia	Di negara-negara bukan EU/EEA, pemindahan-pemindahan tersebut adalah tertakluk kepada Klausula-klausula Perlindungan Data Standard EU menurut Artikel 46 (2) (c), (5) GDPR.

Kategori Penerima	Lokasi penerima	Keputusan kecukupan atau perlindungan yang wajar atau sesuai untuk pemindahan ke negara-negara ketiga dan/atau organisasi-organisasi antarabangsa
Pembekal Khidmat Pelanggan	Singapura	Di negara-negara bukan EU/EEA, pemindahan-pemindahan tersebut adalah tertakluk kepada Klausula-klausula Perlindungan Data Standard EU menurut Artikel 46 (2) (c), (5) GDPR.
Pembekal Perkhidmatan Pengurusan Profil Pelanggan	Amerika Syarikat	Di negara-negara bukan EU/EEA, pemindahan-pemindahan tersebut adalah tertakluk kepada Klausula-klausula Perlindungan Data Standard EU menurut Artikel 46 (2) (c), (5) GDPR.

D. Tarikh kuat kuasa dan pindaan Dasar Privasi ini

Dasar Privasi ini berkuatkuasa dengan serta-merta.

Ada kemungkinan bahawa Dasar Privasi ini perlu dipinda disebabkan oleh perkembangan teknikal dan/atau perubahan kepada keperluan-keperluan undang-undang atau pengawalseliaan.

Kemas kini terakhir: 20 September 2021